

**Laporan Akhir Penambahbaikan Pilihan Raya Selesai Sebelum April
Bernama
6 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Laporan akhir cadangan penambahbaikan pilihan raya dijangka siap sebelum akhir bulan ini untuk dibentangkan di Parlimen pada 2 April, kata Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan bermesyuarat tiga kali lagi iaitu pada 14, 21 dan 22 Mac bagi mengemaskini laporan itu.

"Masih ada ruang untuk orang ramai beri cadangan kepada kita (sebelum laporan akhir siap)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PSC kali kelapan di Bangunan Parlimen, di sini Selasa.

Mengulas lawatan anggota PSC di United Kingdom, Jerman dan Denmark pada minggu lepas, Ongkili berkata hasil lawatan itu akan diteliti sepenuhnya dalam baki mesyuarat yang akan diadakan.

Antara yang akan diperhalusi ialah mengenai kelayakan sebagai pengundi, umur layak mengundi, daftar pemilih, persempadanan, pendaftaran automatik, pembiayaan politik, kerangka institusi pilihan raya, akses kepada media, undi luar negara, tempoh pilihan raya dan tempoh pengisytiharaan pilihan raya, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650359>